



H.B. Fuller

Connecting what matters.™

**Menang dengan
Cara yang Betul**
Tataniaga

PEKERJA YANG DIHORMATI:

Bertindak dengan integriti dan melakukan perkara yang betul dalam semua amalan perniagaan kita menjadi asas kepada falsafah H.B. Fuller tentang menang dengan cara yang betul. Komitmen tidak berganjak kita untuk mengekalkan standard tertinggi bagi etika, kewarganegaraan, tanggungjawab korporat dan pentadbiran memacu kejayaan kita dan menyebabkan pelanggan terbaik, pembekal terbaik dan individu terbaik ingin bekerjasama dengan kita.

Sebagai sebuah syarikat global yang terkemuka, kita mempunyai kewajipan untuk mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan yang mengawal perniagaan kita di seluruh dunia. Mengekalkan standard tertinggi memastikan kita mengikuti laluan yang betul di setiap lokasi kita beroperasi.

Komitmen kita hanya seteguh mana pekerja kita mendukungnya. Tindakan harian pekerja kita yang menentukan siapa kita sebagai sebuah syarikat, oleh itu setiap daripada kita mesti bertanggungjawab bagi mematuhi Tataniaga kita. Tataniaga ini menerangkan prinsip kita, meringkaskan dasar teras kita dan menyediakan rangka kerja untuk membuat keputusan yang beretika.

Saya mengharapkan anda untuk melindungi dan mengukuhkan reputasi kita dengan mengamalkan nilai-nilai kita dan menyatakan kesanggupan untuk mengikuti standard tinggi Tataniaga ini, sekarang dan pada masa hadapan.

Yang ikhlas,



Celeste Mastin
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



Celeste Mastin
Presiden dan Ketua
Pegawai Eksekutif

Jadual Kandungan

MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

| | |
|--|---|
| Pengenalan kepada Tataniaga Kita | 4 |
| Menang sebagai sebuah Pasukan | 6 |
| Tanggungjawab Kita | 6 |
| Tanggungjawab Pemimpin dan Pengurus | 6 |
| Bersuara, Melaporkan Kebimbangan dan Mendapatkan Bantuan | 7 |
| Membuat Keputusan dengan Cara yang Betul | 8 |

MENUNJUKKAN ASAS KEBERANIAN

| | |
|---|----|
| Melawan Rasuah | 10 |
| Memberi dan Menerima Hadiah | 11 |
| Mengelak Konflik Kepentingan | 12 |
| Melindungi Aset dan Maklumat Kita | 13 |
| Mengemudi Perdagangan Antarabangsa | 14 |
| Menumpukan pada Pengawasan Kualiti dan Persekitaran | 15 |

MEMUPUK KUASA KERJASAMA

| | |
|--|----|
| Mengekalkan Persekitaran Profesional | 17 |
| Mewujudkan Budaya Kepelbagaian dan Perangkuman | 18 |
| Melindungi Hak Asasi Manusia | 19 |
| Memastikan Kesihatan dan Keselamatan | 20 |
| Melibatkan Diri Dengan Media Sosial | 21 |
| Pertanyaan Media | 22 |
| Memberi Balik kepada Masyarakat | 23 |

MENJELMAKAN SEMANGAT MENANG

| | |
|---|----|
| Beroperasi Dengan Integriti | 25 |
| Melindungi Maklumat Sulit | 26 |
| Melindungi Data Peribadi | 27 |
| Mematuhi Undang-Undang Antitrust | 28 |
| Mengumpulkan Maklumat Risikan Saingan secara Adil | 29 |
| Mengelak Perdagangan Orang Dalam | 30 |
| Menyimpan Rekod yang Tepat | 31 |



Pengenalan kepada Tataniaga Kita

Di H.B. Fuller, kita menumpukan pada menghubungkan perkara yang penting dengan membangunkan dan menghasilkan penyelesaian yang menangani cabaran pelekat paling kuat bagi pelanggan kita. Pelanggan kita bukan sahaja inginkan kita menyampaikan penyelesaian baharu tetapi juga menang dengan cara yang betul. Berbuat demikian bermakna bahawa kita menjalankan perniagaan kita dengan integriti yang tertinggi.

Apakah itu menang dengan cara yang betul? Antara lain, ia adalah:

- Membangunkan penyelesaian canggih yang membantu pelanggan kita memperbaiki produk dan proses mereka
- Menjalankan perniagaan kita dengan tumpuan pada pengawasan kualiti, persekitaran dan kelestarian
- Melabur dalam pendidikan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) dan program pembangunan kepimpinan belia
- Melayan rakan sekerja dengan penuh hormat.
- Berkelakuan mengikut undang-undang dalam komuniti global tempat kita menjalankan perniagaan
- Menggunakan media sosial secara bertanggungjawab dan sesuai

Menang dengan cara yang betul bukan sahaja digunakan pada inisiatif di seluruh syarikat. Matlamat kita sebagai pekerja haruslah menang dengan cara yang betul setiap hari – dalam setiap interaksi kita di tempat kerja – dengan pelanggan kita, dengan rakan sekerja dan dalam masyarakat kita.

Tataniaga ini direka untuk membantu anda menang dengan cara yang betul. Ia menjadi panduan, manual arahan dan rujukan. Ia direka untuk menjadi sumber bagi setiap pekerja H.B. Fuller. Kami menjangkakan anda untuk membaca Tataniaga ini, mengkaji dan merujuk semula padanya.

Tataniaga ini menyatakan standard umum yang ditetapkan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah H.B. Fuller untuk mentadbir tataniaga di seluruh dunia. Dasar Teras Global yang terperinci juga telah diterima pakai bagi memastikan pematuhan dengan standard yang ditetapkan oleh Tataniaga ini. Dasar lain mungkin akan diamalkan jika perlu oleh unit perniagaan, pengurusan geografi dan kumpulan fungsi syarikat, setakat mana dasar tersebut konsisten dengan Tataniaga ini dan Dasar Teras. Dasar Teras tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Perniagaan dan Pematuhan dan dirujuk dalam dokumen ini. Anda boleh menemuinya pada Kerjasama atau pada laman utama [Portal Etika](#) kita di bawah “Etika dan Pematuhan.”

Pelanggaran Tataniaga atau Dasar Teras ini akan menyebabkan tindakan disiplin syarikat, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja anda.



Pengenalan kepada Tataniaga Kita

KEPERCAYAAN KITA

Kita menerima satu set ideal yang dikongsi bersama yang mengarah cara kita beroperasi, memastikan kejayaan kita mencerminkan visi koheren bagi dunia yang lebih baik.

Kita mempercayai:

ASAS KEBERANIAN KUASA KERJASAMA SEMANGAT MENANG

- Dengan mementingkan kepimpinan, bertindak dengan integriti dan bertanggungjawab bagi tindakan kita, kita menunjukkan **Asas Keberanian**.
- Dengan menghargai pelbagai perspektif, latar belakang dan pengalaman pasukan global kita, kita memupuk **Kuasa Kerjasama**.
- Dengan membuat pilihan setiap hari secara sedar untuk cemerlang, dengan sentiasa memasukkan kehairahan dan kreativiti dalam pekerjaan kita dan dengan berusaha untuk inovasi secara beretika, kita menjelmakan **Semangat Menang**.

Mengamalkan nilai teras ini membantu kita menjadi lebih konsisten, bekerjasama dan koheren sebagai sebuah syarikat. Ini membantu kita menumpukan pada misi kita dan meningkatkan kejayaan kita. Ini membenarkan kita untuk terus menyampaikan tawaran produk yang unggul kepada pelanggan kita dan memberi hasil yang lebih baik bagi pemegang saham kita.

Tataniaga ini dibahagikan kepada tiga bahagian. *Menunjukkan Asas Keberanian* merangkumi tajuk yang berkaitan dengan integriti dan kebertanggungjawaban, termasuk rasuah dan sogokan, konflik kepentingan dan keselamatan persekitaran. *Memupuk Kuasa Kerjasama* merangkumi isu-isu pasukan, seperti cara untuk mencegah gangguan dan diskriminasi, cara untuk mewujudkan persekitaran yang terangkum bagi tenaga kerja yang pelbagai dan cara untuk berkelakuan di media sosial. *Menjelmakan Semangat Menang* meliputi amalan perniagaan yang jujur, seperti perlindungan data, penyimpanan rekod dan perdagangan orang dalam.

Dalam setiap bahagian, anda akan mempelajari:

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Pernyataan singkat yang meringkaskan asas pendekatan kita terhadap tajuk yang dipersoalkan.

SEBAB INI PENTING

Penerangan tentang sebab berkelakuan mengikut nilai dan prinsip kita yang dilakarkan dalam Tataniaga adalah penting untuk rakan kongsi, reputasi dan kesihatan jangka panjang H.B. Fuller sebagai sebuah syarikat.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Panduan praktik untuk mengamalkan nilai-nilai syarikat. Di mana sesuai, anda juga akan menemui senario soalan-dan-jawapan (Q/A) untuk mengamalkan Tataniaga ini.



Menang sebagai sebuah Pasukan

Kita telah membina reputasi kita berdasarkan keboleharapan dan kepercayaan. Kita meraih kepercayaan itu dengan memastikan setiap daripada tindakan dan kelakuan kita sentiasa sejajar dengan nilai, kepercayaan dan dasar syarikat kita, seperti yang digariskan dalam Tataniaga.

Tanggungjawab Kita

Kita mahu menang ... dengan cara yang betul. Secara umum, menang dengan cara yang betul bermakna bahawa semua pekerja harus:

- Melayan semua orang – rakan sekerja, rakan kongsi, pelanggan, pegawai kerajaan dan ahli masyarakat – dengan sopan dan hormat.
- Bertindak dengan integriti pada setiap masa.
- Tumpu pada pelanggan.
- Bertanggungjawab bagi tindakan dan keputusan kita.
- Ikuti undang-undang dan semua dasar syarikat.
- Gunakan pertimbangan yang baik.
- Tanya soalan dan dapatkan bantuan jika tidak pasti tentang sesuatu.
- Laporkan salah laku atau kesalahan apabila kita melihatnya.

Tanggungjawab Pemimpin dan Pengurus

Tataniaga ini mengawal semua pekerja H.B. Fuller. Pemimpin dan pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan untuk:

- Menetapkan jangkaan yang jelas bagi ahli pasukan.
- Menjalankan penilaian prestasi secara tetap bagi kerja dan kemajuan pekerja.
- Mempromosikan persekitaran kerja yang sihat, terangkum dan positif.
- Menunjukkan kelakuan yang selaras dengan misi, nilai dan kepercayaan syarikat.
- Menggalakkan pekerja untuk bersuara apabila mereka mempunyai kebimbangan. Memandang serius pada kebimbangan tersebut, memastikan semua isu ditangani dengan betul dan segera.
- Melatih pekerja baharu dengan teliti dan mengikut dasar syarikat, seperti yang digariskan dalam Tataniaga.
- Jadi tempat pertama untuk dihubungi oleh mana-mana pekerja yang memerlukan panduan, nasihat atau arahan.
- Kenal pasti dan tangani isu etika dan pematuhan, sekiranya timbul, seperti yang digariskan dalam Tataniaga.
- Kemukakan sebarang isu etika dan pematuhan yang penting kepada Jabatan Undang-undang H.B. Fuller melalui [HBFPath](#).



Bersuara, Melaporkan Kebimbangan dan Mendapatkan Bantuan

Ketelusan ialah bahagian utama budaya syarikat kita. Dalam urusan kita antara satu sama lain, kita berusaha untuk menjadi seberapa terbuka dan telus yang mungkin.

Menang dengan cara yang betul bermakna menyuarakan isu-isu yang berkenaan dengan anda. Jika sesuatu melanggar peruntukan yang ditetapkan dalam Tataniaga ini atau kelihatan tidak kena, jangan berdiam diri – bersuara! Terdapat beberapa sumber yang boleh anda gunakan.

BAGAIMANAKAH SAYA MENDAPATKAN NASIHAT?

Budaya syarikat yang telus bermakna bahawa kebimbangan dapat dikenal pasti, dilaporkan dan ditangani sebelum kebimbangan itu menjadi masalah. Jika anda melihat sesuatu yang membimbangkan anda, hubungi penyelia terdekat anda. Dengan bantuan anda, mereka akan dapat menangani isu tersebut dari kedudukan kuasa – atau menasihatkan anda tentang langkah untuk anda ambil.

BAGAIMANAKAH SAYA MELAPORKAN ISU?

Bukan semua isu menjadi tanggungjawab anda untuk diselesaikan. Sama ada ia pelanggaran etika, isu keselamatan di tempat kerja, kejadian gangguan atau soalan tentang cara untuk mentafsirkan dasar syarikat, H.B. Fuller memandang serius kebimbangan anda. Untuk sebarang soalan atau masalah, sila hubungi salah satu daripada yang berikut:

- Penyelia atau pengurus anda
- Jabatan Sumber Manusia
- Jabatan Undang-undang
- HBFPath, talian penting syarikat yang sulit dan selamat untuk pekerja, dengan menghubungi 1-877-HBF-PATH (1-877-423-7284), di Amerika Syarikat dan Kanada (untuk nombor negara lain, pergi ke [senarai antarabangsa](#) kita bagi nombor/arahan pendailan) atau melalui web di hbfpethicspoint.com. Laporan boleh dibuat tanpa nama, kecuali jika dihadkan oleh undang-undang.
- Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dengan menulis kepada The Audit Committee of the Board of Directors c/o the Office of the Corporate Secretary, 1200 Willow Lake Boulevard, St. Paul, MN 55110.

APAKAH YANG BERLAKU APABILA SAYA MEMBUAT LAPORAN?

Apabila anda membuat laporan, syarikat akan menjalankan penyiasatan dengan segera dan teliti. Penyiasatan tersebut akan menilai sama ada tuduhan itu benar, sama ada isu itu penting dan tindakan apa, jika ada, diperlukan untuk membetulkan masalah tersebut. Dapatan dan saranan syarikat akan dilaporkan dengan segera kepada pihak pengurusan kanan syarikat, Jawatankuasa Etika Perniagaan dan Pematuhan syarikat dan/atau Lembaga Pengarah, mengikut kesesuaian.

APAKAH YANG BERLAKU JIKA KESALAHAN DITEMUI?

Jika syarikat menentukan bahawa kelakuan yang melanggar Tataniaga, Dasar Teras atau undang-undang yang diterima pakai telah berlaku, syarikat akan mengambil tindakan disiplin atau pembedahan lain, mengikut kesesuaian. Pekerja yang melaporkan aduan tersebut akan dimaklumkan apabila penyiasatan telah selesai dijalankan.


ADAKAH SAYA DILINDUNGI DARIPADA TINDAKAN BALAS?

Sudah tentu. Ahli pasukan yang membuat aduan dengan niat yang baik tidak akan tertakluk pada sebarang tindakan balas atau ancaman. Mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja yang mengambil tindakan balas atau yang mengancam untuk mengambil sebarang tindakan balas terhadap seorang pekerja berdasarkan tindakan mereka membuat laporan atau memberikan maklumat tentang kebimbangan dengan niat yang baik akan tertakluk pada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemecatan.

Syarikat berusaha untuk mengekalkan paras kerahsiaan yang sesuai, konsisten dengan penyiasatan aduan yang berkesan.

Membuat Keputusan dengan Cara yang Betul

Tataniaga ini, Dasar Teras kita dan nilai-nilai kita memberi panduan bagi banyak keputusan yang akan anda hadapi dalam kerja anda setiap hari. Jika anda tidak pasti cara untuk teruskan, gunakan tiga garis panduan ini untuk menentukan langkah terbaik.



Kita mempunyai sejarah bertindak dengan integriti yang lama di H.B. Fuller. Pelanggan global kita mempercayai kita untuk beroperasi secara beretika dan kita membalas kepercayaan tersebut dengan bersikap jujur dalam urusan niaga kita, mengelak rasuah dan sogokan serta mengutamakan kejayaan pelanggan dan syarikat daripada keuntungan peribadi kita sendiri. Kita juga menyatakan kesanggupan untuk mengeluarkan produk berkualiti tinggi dan selamat yang mengurangkan kesan ke atas alam sekitar.

Bahagian ini memperincikan bagaimana pekerja H.B Fuller dijangka bertindak dengan integriti dan kekal bertanggungjawab terhadap diri mereka dan nilai syarikat.



Melawan Rasuah

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Dalam urusan kita dengan rakan kongsi kita, pelanggan kita dan kerajaan tempat kita menjalankan perniagaan, kita beroperasi sepenuhnya atas dasar merit. Kita mengelak sebarang interaksi yang mungkin mempamerkan rasuah.

SEBAB INI PENTING

Dedikasi kita terhadap ketelusan, kejujuran dan keadilan memenangi kepercayaan pelanggan kita dan kerajaan yang mengawal kita. Mengelak rasuah dan sogokan mengekalkan reputasi kita sebagai rakan niaga yang beretika dan membenarkan kita berkembang dan maju.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita:

- Enggan menawarkan, membenarkan atau menerima apa jua jenis rasuah, termasuk:
 - Yang melibatkan pegawai kerajaan, sekutu dan ahli keluarga mereka; dan
 - Yang melibatkan mana-mana rakan niaga, seperti pengaturan sogokan dengan pelanggan atau vendor (juga dikenali sebagai rasuah komersial).
- Memahami bahawa rasuah boleh mengambil banyak bentuk – hadiah, derma amal, sumbangan politik, perjalanan, hiburan, diskaun, peluang pelaburan – dan sentiasa berwaspada terhadap mana-mana daripadanya.
- Enggan menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga yang kita syak akan menggunakan sumber syarikat sebagai rasuah atau terlibat dengan rasuah bagi pihak kita.
- Jangan buat “bayaran pemudahan,” yang merupakan bayaran kepada penjawat awam sebagai balasan bagi tindakan rutin kerajaan.
- Merekodkan semua transaksi yang dibuat kepada atau oleh syarikat dengan tepat, lengkap dan secara jujur.
- Mengelak sebarang tindakan atau kelakuan yang menimbulkan tanggapan salah laku.
- Memastikan urusan sosial kita dengan rakan niaga atau pelanggan bersifat profesional, telus dan jujur.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Amalan Rasuah](#)
- [Dasar Teras Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat serta Komunikasi](#)



BAYARAN UNTUK KERTAS?

- S:** Saya sedang mengusahakan projek di luar negara. Saya memerlukan kebenaran khas daripada kerajaan untuk melawat pelbagai tapak kerja, tetapi birokrasi kerajaan ini terkenal dengan kelembapannya. Pegawai yang saya hubungi telah memaklumkan kepada saya bahawa jika saya membayar “yuran pemprosesan,” dia boleh mempercepatkan perkara. Adakah ini bayaran yang wajar untuk diberikan?
- J:** Tidak. Membayar pegawai kerajaan untuk mempercepatkan atau meminta tindakan rutin kerajaan diambil, seperti memperoleh permit atau lesen, memproses dokumen, termasuk visa atau menyediakan perkhidmatan rutin kerajaan, ditakrifkan sebagai “bayaran pemudahan.” Bayaran jenis ini tidak dibenarkan oleh Tataniaga dan Dasar Teras Anti rasuah dan Antisogokan, serta undang-undang di negara tertentu.



Memberi dan Menerima Hadiah

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Sebagai komitmen kita terhadap integriti dan usaha kita untuk melawan rasuah, kita berusaha untuk memastikan pemberian hadiah, hiburan dan amal itu tidak melanggar undang-undang, didokumenkan dan dalam lingkungan amalan perniagaan yang dapat diterima dan mengikut undang-undang.

SEBAB INI PENTING

Walaupun kita mengiktiraf dan menghargai kepentingan pemberian hadiah dari aspek budaya dan sosial, kita juga berusaha menjalankan perniagaan atas dasar merit kita dan menentang secara aktif rasuah, sogokan dan susunan bayar-untuk-main. Dalam urusan kita dengan pelanggan dan penjawat awam, kita berusaha untuk mengelakkan tanggapan rasuah dengan tidak memberi atau menerima apa-apa yang melebihi hadiah yang bernilai sangat kecil.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita:

- Ingat bahawa hiburan dan makanan merupakan hadiah dari segi undang-undang dan pastikan bahawa sebarang hiburan atau makanan yang diberikan atau diterima adalah munasabah dan tidak mewah.
- Memberi makanan, hadiah atau hiburan hanya apabila ia mempunyai kaitan dengan tujuan perniagaan yang sah (iaitu mesyuarat perniagaan) dan mengelak daripada menggunakan perkara itu untuk cuba mempengaruhi pihak yang lain bagi menyebelahi syarikat.
- Mengelak daripada memberi atau menerima sebarang hadiah yang melebihi nilai yang sangat kecil (iaitu koleh kopi syarikat) daripada rakan niaga tanpa penilaian dan kebenaran awal oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif atau wakilnya.
- Mengelak daripada memberi sebarang hadiah yang bertujuan mempengaruhi penjawat awam.
- Mendokumenkan semua hadiah, hiburan dan makanan dalam laporan perbelanjaan anda.
- Mengelak daripada memberi wang tunai, kad debit prabayar atau kad hadiah sebagai hadiah.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Hadiah dan Hiburan](#)
- [Dasar Teras Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat serta Komunikasi](#)



MEMBERI HADIAH

- S:** Saya bekerja dengan klien di Jepun, yang menjadikan adat untuk bertukar hadiah pada permulaan mesyuarat perniagaan. Saya tidak mahu melanggar dasar syarikat tetapi saya juga tidak mahu menyinggung perasaan klien kita. Adakah membawa sebuah bakul kecil berisi makanan ke mesyuarat kita dibenarkan?
- J:** Ya, kerana hadiah itu mempunyai nilai yang sangat kecil dan diberikan bagi tujuan perniagaan yang sah. Ingat bahawa semua hadiah mesti didokumenkan dengan betul dalam laporan perbelanjaan anda.



Mengelak Konflik Kepentingan

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Integriti itu penting. Kita menunjukkannya dengan mengelak konflik kepentingan, termasuk sebarang situasi yang menyaksikan keuntungan peribadi mungkin melebihi kepentingan syarikat.

SEBAB INI PENTING

Jika kita menempatkan kepentingan kita melebihi syarikat, kita berhadapan dengan risiko integriti kita dipersoalkan dan mungkin berhadapan dengan hukuman, termasuk pemecatan atau isu undang-undang.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita:

- Mengelak daripada terlibat dengan urusan niaga atau memiliki hartanah dalam keadaan yang akan menimbulkan konflik kepentingan dengan syarikat, termasuk mengadakan perniagaan dengan keluarga atau sahabat handai bagi pihak syarikat.
- Melayan semua pelanggan dan rakan niaga sama sahaja, tanpa memberi layanan khas kepada ahli keluarga, sahabat handai atau mereka yang mempunyai hubungan peribadi.
- Mengelak daripada mempunyai hubungan peribadi dengan pelanggan atau rakan niaga syarikat.
- Mengelak sebarang situasi yang menimbulkan tanggapan berlaku konflik kepentingan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Konflik Kepentingan](#)



Melindungi Aset dan Maklumat Kita

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Kita menjaga aset syarikat kerana ia merupakan bongkah binaan bagi masa depan kita. Ia membantu kita memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan kita dan mencipta nilai untuk pemegang saham kita.

SEBAB INI PENTING

Aset syarikat ialah hasil kerja keras semua pekerja kita, pada masa lalu dan masa kini. Keuntungan dan pertumbuhan lestari kita memerlukan kita melindungi dan menggunakan aset kita dengan bijak.

APAKAH ITU ASET?

- *Aset fizikal* termasuk bekalan pejabat, kemasan, mesin pengeluaran, kimia, peralatan gudang dan telefon mudah alih. Tanah, bangunan pejabat dan kemudahan pengilangan tempat kita beroperasi juga adalah aset fizikal.
- *Aset maklumat* termasuk semua data yang terkandung dalam fail kita dan pada pelayan kita. Maklumat ini penting kepada operasi harian perniagaan kita dan bagi pertumbuhan berterusan syarikat.
- *Aset tidak ketara* termasuk reputasi, idea, ciptaan, harta intelektual, formula, reka bentuk, hak cipta, tanda dagangan, paten dan rahsia perniagaan. Aset ini membantu kita memacu inovasi dan penambahbaikan.
- *Aset kewangan* termasuk wang dan apa sahaja yang boleh ditukarkan kepada wang, seperti saham, bon, pinjaman dan deposit.



BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita:

- Ambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan aset syarikat tidak rosak, disalah guna, dibazirkan, hilang atau dicuri.
- Menunjukkan pertimbangan yang baik dalam penggunaan maklumat dan sistem komunikasi serta data elektronik yang disimpan, diproses atau dihantar oleh mereka.
- Sentiasa kendalikan dana syarikat dengan jujur, bertanggungjawab dan selaras dengan dasar syarikat.
- Laporkan segera sebarang penyalahgunaan aset syarikat.
- Jangan alihkan harta milik syarikat daripada kemudahan kita untuk kegunaan peribadi.

PRINSIP KESELAMATAN SIBER

Setiap pekerja bertanggungjawab melaporkan dengan segera sebarang kejadian keselamatan siber.

- Menjadi tanggungjawab anda untuk menjaga keselamatan anda dalam talian dan melindungi kepentingan dan maklumat H.B. Fuller daripada dicerobohi.
- Lebih berhati-hati apabila menggunakan wi-fi dan rangkaian bukan milik syarikat.
- Lindungi kelayakan log masuk dan kata laluan anda.
- Semak sebarang e-mel yang anda terima dan hantar dengan teliti.
- Sedari bahawa peranti mudah alih anda menjadi sasaran serangan siber.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang keselamatan siber atau jika anda berpendapat bahawa mungkin terdapat ancaman siber, pergi ke laman Bantuan IT pada Kerjasama di <https://collaborate.hbfuller.com/informationtechnology/default2.aspx> atau hubungi Meja Perkhidmatan IT.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Melindungi Aset Syarikat/Penggunaan Aset Syarikat secara Tidak Wajar](#)

Mengemudi Perdagangan Antarabangsa

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

H.B. Fuller ialah sebuah syarikat global. Kita beroperasi di lebih 40 buah negara dan setiap hari kita mengemudi sistem undang-undang yang rumit berkenaan perdagangan antarabangsa. Kita berdedikasi untuk mematuhi semua undang-undang berkenaan keselamatan import, eksport dan rantai bekalan, serta undang-undang antiboikot.

SEBAB INI PENTING

Pematuhan perdagangan menjadi keperluan bagi menjalankan perniagaan di seluruh dunia. Apabila kita mematuhi undang-undang berkenaan pergerakan barangan dan perkongsian teknologi yang merentasi sempadan, kita meletakkan diri kita dalam kedudukan yang baik dengan kerajaan yang mengawal atur kita – dan itu membenarkan kita untuk mengembangkan perniagaan kita dalam pasaran global yang kompetitif.



MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar teras Pematuhan Perdagangan](#)

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita:

- Mematuhi undang-undang berkenaan import dan eksport dengan:
 - Memfailkan semua dokumen dengan pihak kastam;
 - Mengisytiharkan pengelasan, nilai dan negara asal dengan betul;
 - Membayar semua duti, cukai dan yuran yang berkenaan; dan
 - Menyimpan rekod yang lengkap dan tepat bagi semua yang di atas.
- Mematuhi semua sekatan dan embargo yang diarahkan pada negara atau entiti tertentu oleh kerajaan A.S.
- Mengelak daripada menggunakan ejen atau orang tengah bagi memintas sekatan perdagangan.
- Mengelak daripada menjalankan perniagaan dengan individu, kumpulan atau entiti yang diumumkan sebagai penganas atau penyeludup dadah atau pihak jahat lain yang diketahui oleh kerajaan A.S. atau mana-mana kerajaan lain yang undang-undang mereka adalah berkenaan dengan aktiviti perdagangan syarikat.
- Mematuhi semua peraturan Pentadbiran Eksport A.S. berkenaan produk “dwi guna” dengan kemungkinan penggunaan ketenteraan, serta Peraturan Perdagangan Senjata Antarabangsa A.S. dan sebarang undang-undang serupa yang berkenaan.
- Mengelak daripada menyokong atau menyertai boikot yang tidak disokong oleh Amerika Syarikat. Undang-undang ini mengenakan sekatan pada tindakan dan perjanjian berkaitan boikot, seperti keengganan menjalankan perniagaan dan memberikan maklumat berkenaan boikot. Undang-undang ini juga termasuk syarat membuat laporan.

Sebagai individu, kita menunjukkan asas keberanian apabila kita:

- Menghubungi Pengarah Pematuhan Perdagangan Global Syarikat (GTCD) pada permulaan sebarang cadangan transaksi antarabangsa supaya syarikat dapat mengenal pasti dan menyelesaikan isu pematuhan perdagangan.
- Menyelaras dengan GTCD sebarang aplikasi yang akan menjadi sebahagian daripada program keselamatan rantai bekalan yang ditaja oleh kerajaan.
- Menghalakan semua surat menyurat dengan pihak berkuasa import/eksport ke GTCD.

Menumpukan pada Pengawasan Kualiti dan Persekitaran

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Dengan setiap produk baharu yang kita cipta, matlamat kita adalah untuk menjadi inovatif, mesra-alam dan – paling penting sekali – selamat.

SEBAB INI PENTING

Pelanggan kita menggunakan kerja inovatif kita pada pelekat dan bahan kedap untuk membangunkan pelbagai jenis produk yang memainkan peranan aktif. Penting kepada kejayaan kita untuk mengeluarkan produk berkualiti tinggi dengan selamat.



MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Undang-undang dan Peraturan Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan](#)

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita mempercayai bahawa keselamatan ialah nilai yang lebih penting daripada semua perkara lain dan apabila kita mematuhi sembilan prinsip ini:

- Semua kecederaan dan penyakit pekerjaan dapat dicegah.
- Semua pendedahan operasi dapat dikawal.
- Pengurusan bertanggungjawab.
- Orang merupakan elemen paling penting bagi program kesihatan dan keselamatan.
- Keselamatan ialah syarat pekerjaan.
- Penting untuk melatih semua pekerja dengan teliti supaya dapat bekerja dengan selamat.
- Audit mesti dijalankan.
- Semua kekurangan mesti dibetulkan dengan segera.
- Keselamatan di luar pekerjaan merupakan bahagian penting dalam usaha keselamatan.

Kita menunjukkan asas keberanian apabila kita mengambil masa untuk melakukan dengan betul, pada kali pertama, setiap kali dengan:

- Memenuhi dan melebihi keperluan pelanggan.
- Mengurangkan dan mencegah risiko serta mencapai kerosakan sifar.
- Melaporkan sebarang kemalangan atau peristiwa di tempat kerja dengan kesan yang berkemungkinan ke atas alam sekitar.
- Mematuhi peraturan EHS (persekitaran, kesihatan dan keselamatan) negara, negeri dan tempatan.
- Menyimpan rekod yang tepat dan lengkap bagi pematuhan dengan peraturan EHS.

Di H.B. Fuller, kita meletakkan nilai yang utuh pada kerjasama. Kita percaya bahawa bekerjasama membawa kepada hasil yang lebih baik untuk pelanggan. Itu sebabnya kita bekerja dengan pelanggan kita setiap hari untuk membangunkan penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran dengan pelekat mereka.

Semangat kerjasama yang sama dilanjutkan kepada cara kita melayan satu sama lain sebagai ahli pasukan syarikat. Apabila kita menghormati satu sama lain dan menghargai pelbagai pendapat, latar belakang dan pandangan rakan sekerja kita, kita mewujudkan persekitaran yang menggalakkan idea inovatif.

Ia bukan sahaja kelakuan yang baik; ia perniagaan yang baik. Kita bekerja dengan lebih baik jika dilakukan bersama-sama.

Bahagian Tataniaga ini memberi panduan tentang cara untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, menghormati dan bekerjasama yang menghargai suara dan kesejahteraan semua pekerja.



Mengekalkan Persekitaran Profesional

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Semua orang berhak untuk menerima layanan yang jujur dan menghormati di tempat kerja. Itu sebabnya kita mengambil setiap langkah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang menghormati dan selamat untuk semua pekerja syarikat. Syarikat komited untuk memastikan semua pekerja dilayan dengan penuh hormat dan secara bermaruah serta bebas daripada diskriminasi atau gangguan, terutamanya yang berasaskan jantina, identiti jantina, bangsa, etnik, orientasi seksual, status perkahwinan, kekurangan upaya fizikal atau mental, umur, status veteran, agama, asal usul negara atau sebarang status lain yang dilindungi oleh undang-undang.

SEBAB INI PENTING

Kita menghargai pekerja kita dan berasa bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran kerja yang membuat mereka berasa dihargai. Kita berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang mempunyai budaya menghormati, percaya dan keselamatan. Ia adalah perkara yang betul untuk dilakukan.

Bahasa yang berbentuk diskriminasi, gangguan seksual dan membuli bukan sahaja tidak baik, ia juga penanda persekitaran kerja yang tidak produktif. Apabila pekerja tidak berasa selamat dan dihormati di tempat kerja, adalah sukar untuk mereka dilibatkan, berkesan dan produktif.

Apabila pekerja merasakan bahawa sumbangan mereka dihargai, apabila mereka boleh beroperasi dengan tenang tentang sempadan peribadi dan keselamatan mereka dan apabila mereka mempercayai rakan sekerja mereka, mereka boleh menumpukan pada kerja mereka dan menyumbang kepada kejayaan syarikat.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita memupuk kuasa kerjasama apabila kita:

- Menghormati sumbangan semua rakan sekerja kita dan berusaha secara aktif untuk mendengar dan memahami pandangan mereka.
- Mengelak daripada menggunakan bahasa yang kesat, seksis, rasis, klasis, diskriminasi kurang upaya atau homofobik di tempat kerja.
- Mengekalkan hubungan perniagaan yang sesuai, sama rata dengan rakan sekerja kita.
- Mengamalkan mendengar secara aktif.
- Menghormati ruang dan sempadan peribadi rakan sekerja kita.
- Melayan orang lain dengan adil.
- Secara aktif tetapi menghormati, membangkang sebarang kejadian diskriminasi, gangguan atau membuli yang kita hadapi dan laporkan kelakuan yang tidak baik itu kepada pengurus atau Sumber Manusia, jika perlu.
- Mengekalkan tempat kerja yang bebas alkohol dan dadah.

Q/A

GANGGUAN

- S:** Saya telah bercakap dengan penyelia saya beberapa kali tentang memekik pada saya dalam pejabat dan di hadapan rakan sekerja. Bukan saya seorang yang berasa diperkecilkan. Apakah yang harus saya lakukan?
- J:** Tiada pekerja yang harus dipaksa untuk bekerja dalam persekitaran yang menakutkan. Hubungi wakil HR anda atau [HBFPath](#), talian bantuan etika syarikat kita.

PENGGUNAAN ALKOHOL

- S:** Bolehkah saya minum sebelum syif saya? Saya tidak berada di hartanah syarikat pada waktu itu.
- J:** Tidak. Anda dijangkakan bebas daripada alkohol dan dadah (kecuali bagi penggunaan ubat yang disarankan untuk anda) semasa anda bekerja. Sebaliknya pula, mengambil segelas wain semasa makan malam selepas bekerja, di rumah, bukan pelanggaran Tataniaga ini.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Layanan yang Adil](#)
- [Dasar Teras Alkohol dan Dadah](#)

Mewujudkan Budaya Kepelbagaian dan Perangkuman

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Seperti pelanggan global kita, semua pekerja datang dari pelbagai latar belakang. Kita berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan budaya merangkumi dan menghormati, yang mengiktiraf dan menghargai pelbagai suara pekerja kita.

SEBAB INI PENTING

Kita percaya pasukan yang paling berkesan mewakili pelbagai suara dan pandangan. Kita juga percaya bahawa kerjasama hanya boleh wujud apabila setiap ahli pasukan berasa dihormati dan didengari. Dalam usaha kita untuk menyampaikan penyelesaian yang inovatif dan baharu kepada pelanggan kita, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang menghargai suara setiap orang. Kita percaya bahawa kepelbagaian dalam pasukan kita membawa kepada idea baharu, membantu kita menyelesaikan masalah dan membenarkan kita mempunyai hubungan yang lebih baik dengan pangkalan pelanggan global kita.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita memupuk kuasa kerjasama apabila kita:

- Melayan semua rakan sekerja, rakan kongsi dan pelanggan dengan penuh hormat.
- Merekrut, mengambil bekerja, melatih secara aktif dan menaikkan pangkat pekerja berdasarkan prinsip peluang yang sama rata.
- Mengelak daripada menggunakan bahasa atau tindakan yang bersifat diskriminasi atau kesat di tempat kerja.
- Mengekalkan persekitaran tempat kerja yang sihat, menghormati dan terbuka.
- Menghormati pandangan, latar belakang dan pengalaman rakan sekerja kita.



MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Layanan yang Adil](#)



Melindungi Hak Asasi Manusia

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

H.B. Fuller komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika di seluruh dunia. Melindungi hak asasi manusia di negara tempat kita menjalankan perniagaan adalah keutamaan kita dan mencerminkan komitmen kita yang sudah lama wujud bagi memperbaiki kehidupan warga global.

SEBAB INI PENTING

Sebagai majikan global yang besar, kita mempunyai peluang untuk menyokong gaji yang bermaruah, autonomi dan adil bagi pekerja kita dan pekerja pembekal kita.


BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita memupuk kuasa kerjasama apabila kita:

- Mengelak daripada mengambil bekerja sesiapa di bawah usia 18 tahun, melainkan pekerja itu adalah sebahagian daripada program perantisan yang disokong oleh kerajaan.
- Menghormati hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan, persatuan atau mendapatkan khidmat peguam daripada pihak ketiga.
- Mematuhi semua undang-undang tempatan berkenaan gaji, bayaran kerja lebih masa dan manfaat yang ditetapkan oleh undang-undang di negara tempat kita beroperasi.
- Menolak untuk menjalankan perniagaan dengan mana-mana syarikat yang disyaki menggunakan buruh hamba, buruh paksa atau buruh penjara.
- Melaporkan sebarang pelanggaran bahagian ini yang disyaki atau Dasar teras Layanan Adil kita kepada penyelia kita, Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang melalui [HBFPath](#).

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Layanan yang Adil](#)



Memastikan Kesihatan dan Keselamatan

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Keutamaan penting adalah untuk menjaga keselamatan pekerja kita. Sama ada dalam makmal atau pejabat, kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua orang.

SEBAB INI PENTING

Pekerja kita bekerja dalam pelbagai persekitaran, sesetengahnya mungkin lebih berbahaya daripada yang lain. Tetapi tiada tugas di tempat kerja yang harus membahayakan kesihatan anda atau orang lain. Apabila kita mengetahui bahawa keselamatan kita terjamin, kita dapat menumpukan pada menyediakan penyelesaian inovatif bagi pelanggan kita.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita memupuk kuasa kerjasama apabila kita:

- Mematuhi semua standard keselamatan yang diadakan oleh Jabatan Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan, peraturan persekutuan dan negeri, badan kawal selia industri dan makmal tempat kita melakukan penyelidikan.
- Melatih dengan teliti pekerja baharu tentang peraturan dan prosedur keselamatan.
- Mengelak daripada mengambil risiko yang tidak diperlukan atau mengarah orang lain untuk berbuat demikian.
- Melakukan penyelenggaraan peralatan dan kemudahan secara kerap.
- Melaporkan dengan segera situasi berbahaya dan pendedahan kimia yang berpotensi.
- Mematuhi sebarang penyiasatan, pertanyaan atau audit agensi kawal selia persekutuan atau negeri.
- Melaporkan dengan segera semua kecederaan dan penyakit kepada penyelia.
- Menyimpan rekod pemeriksaan, audit dan kejadian yang terkini, lengkap dan tepat.
- Mengiktiraf bahawa keselamatan ialah syarat pekerjaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Undang-undang dan Peraturan Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan](#)



Melibatkan Diri Dengan Media Sosial

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Media sosial adalah sebahagian daripada kehidupan harian kita dan kita mengiktiraf hak semua pekerja untuk menggunakan platform media sosial dalam kehidupan peribadi dan kerja mereka.

SEBAB INI PENTING

Dalam dunia yang semakin berhubung, garisan antara kerja seseorang dengan kehidupan peribadi telah menjadi kabur. Media sosial ialah alat yang hebat bagi luahan peribadi dan pemasaran tetapi juga mewakili risiko kepada syarikat dalam ekonomi global. Mengikuti garis panduan yang jelas dapat membantu pekerja menggunakan media sosial tanpa menjejaskan reputasi, hubungan atau kejayaan perniagaan syarikat.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita memupuk kuasa kerjasama apabila kita:

- Menggunakan akaun media sosial peribadi secara bertanggungjawab, beretika dan wajar, dengan memahami bahawa bahan peribadi boleh mencerminkan H.B. Fuller sebagai sebuah syarikat.
- Mengenalkan diri kita sebagai pekerja syarikat dan menjelaskan bahawa pendapat kita adalah pendapat kita sendiri, jika mengulas tentang tajuk yang berkenaan dengan H.B. Fuller. Menggunakan penafian yang jelas: "Siaran di laman ini adalah milik saya dan tidak semestinya mewakili pendirian, strategi atau pendapat H.B. Fuller."
- Mengelak daripada menyiarkan sebarang maklumat sulit atau proprietari yang berkaitan dengan syarikat kita, rakan kongsi kita dan pelanggan kita pada akaun peribadi kita,
- Mengikuti undang-undang hak cipta, penggunaan secara adil, pendedahan kewangan dan undang-undang lain yang berkenaan.
- Menahan diri daripada menggunakan logo korporat syarikat tanpa kebenaran yang jelas daripada syarikat.
- Mengelak daripada memetik atau merujuk kepada pelanggan, pembekal atau rakan kongsi syarikat tanpa kelulusan yang jelas daripada mereka.
- Mengelak daripada melibatkan diri dalam spekulasi atau khabar angin dalam talian mengenai syarikat.
- Menggunakan pertimbangan yang baik – jika berasa tidak selesa, minta panduan daripada penyelia sebelum siar.



KEBINGUNGAN TWITTER

- S:** Saya agak aktif di Twitter. Kebanyakannya saya gunakan untuk mengikuti berita dan perkembangan perniagaan dalam bidang beberapa pelanggan terbesar saya. Baru-baru ini, saya perasan beberapa khabar angin palsu tentang H.B. Fuller telah mula diedarkan. Saya ingin membetulkan keadaan dengan menyebut pengalaman dan kedudukan saya sendiri dalam syarikat. Bolehkah saya melakukannya?
- J:** Tidak boleh jika tanpa kebenaran. Apa yang anda terangkan ialah masalah yang paling baik ditangani oleh pasukan Komunikasi Global syarikat, bukan pekerja individu bertindak atas inisiatifnya sendiri. Keinginan anda untuk mempertahankan syarikat daripada tuduhan yang tidak benar amat dipuji. Hubungi Komunikasi Global untuk melaporkan isu tersebut.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat serta Komunikasi](#)

Pertanyaan Media

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Sebagai sebuah syarikat global, H.B. Fuller percaya pada penggunaan kuasa media global untuk melanjutkan objektif kita sebagai syarikat pelekat terbaik di dunia. Kita melakukan banyak perkara baik di dunia dan kita mahu orang ramai mengetahuinya.

Jabatan Komunikasi Global kita mengupah pakar dalam hubungan awam yang bekerja rapat dengan perniagaan kita untuk mempromosikan syarikat kita di seluruh dunia.

SEBAB INI PENTING

Reputasi kita sebagai pemimpin inovatif dalam pelekat disokong oleh setiap berita positif tentang produk, pelanggan kita dan pembangunan yang diterajui oleh industri. Walau bagaimanapun, imej kita boleh terjejas disebabkan maklumat yang salah. Itu sebabnya kita mengupah pasukan pakar media untuk mengurus hubungan awam dan kemunculan media kita – dan sebab, atas dasar harian, kita membiarkan tugas hubungan media kepada mereka, bukan pekerja individu.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Hanya jurucakap syarikat yang dibenarkan boleh bercakap kepada media. Pekerja tidak harus bercakap kepada media secara langsung tanpa kelulusan awal daripada Komunikasi Global.

Kita memupuk kuasa kerjasama apabila kita:

- Menghalakan semua pertanyaan media kepada **pasukan Komunikasi Global**



MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat serta Komunikasi](#)
- [Dasar Pendedahan Korporat](#)

Memberi Balik kepada Masyarakat

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

H.B. Fuller sangat komited untuk memastikan kemajuan masyarakat tempat kita tinggal dan bekerja. Kita prihatin terhadap masyarakat kita dan berusaha untuk mengukuhkan mereka melalui usaha kelestarian, pemberian korporat dan kerja sukarela oleh pekerja.

SEBAB INI PENTING

Kita mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat tempat kita menjalankan perniagaan. Melabur dalam persekitaran, kepimpinan belia dan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) merupakan salah satu cara kita menyokong masyarakat kita. Ia menghantar isyarat yang jelas bahawa kita komited untuk memberi balik.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita memupuk kuasa kerjasama dengan:

- Prihatin terhadap masyarakat tempat kita tinggal dan bekerja.
- Melabur dalam pendidikan STEM dan inisiatif kepimpinan belia.
- Menghubungkan pekerja dengan peluang sukarela di merata dunia.
- Melibatkan diri dengan pertubuhan bukan untung untuk membuat perbezaan bagi generasi akan datang.



Kita menjalankan perniagaan menyelesaikan masalah. Pelanggan dan rakan kongsi global kita tahu bahawa apabila mereka datang kepada kita, mereka boleh menjangkakan penyelesaian yang kreatif dan inovatif kepada mana-mana isu yang dikemukakan oleh mereka kepada kita.

Pasukan kita yang sangat terlatih telah dipilih secara khusus bagi kreativiti, kebijaksanaan dan kecemerlangannya. Semua orang di syarikat kita – daripada juruteknik makmal kepada wakil perkhidmatan pelanggan, jurutera kepada wakil jualan – menunjukkan kualiti yang kita hargai sebagai sebuah syarikat: kepintaran, kepimpinan dan wawasan.

Setiap hari, kita memilih untuk cemerlang sebagai sebuah syarikat. Kita membawa keghairahan dan kreativiti kepada kerja kita. Itu sebabnya orang mahu bekerja dengan kita. Bahagian ini merangkumi cara H.B. Fuller menjelmakan semangat menang, di peringkat organisasi dan juga individu.



Beroperasi Dengan Integriti

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

H.B. Fuller telah membangunkan reputasi yang utuh bagi integriti dan ketelusan. Kita menghormati legasi kita apabila kita menunjukkan kejujuran dan keadilan dalam semua urusan kita dengan pelanggan, rakan niaga dan pengawal selia.

SEBAB INI PENTING

Hubungan itu penting. Apabila pelanggan dan pengawal selia melihat kita boleh dipercayai, kita membina kepercayaan mereka dan menggalakkan hubungan yang utuh dengan mereka.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Jujur dan lurus dengan pelanggan kita.
- Menetapkan jangkaan yang jelas dengan pelanggan dan rakan kongsi dan melengkapkan kerja dengan cekap dan tepat pada masanya.
- Mematuhi semua peraturan, pemeriksaan dan penyiasatan oleh kerajaan dan badan kawal selia.
- Memasarkan produk kita dengan jujur kepada pelanggan, rakan kongsi kita dan orang awam.
- Berusaha untuk menjelmakan semangat keterbukaan dan ketelusan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Persaingan yang Adil dan Maklumat Persaingan](#)



Melindungi Maklumat Sulit

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Sebagai pemimpin global dalam pelekat, kita mengurus data yang berharga dan rahsia perniagaan yang berkaitan dengan penyelidikan dan amalan perniagaan kita sendiri. Apabila kita melindungi harta intelektual syarikat, kita melindungi kelebihan persaingan kita.

SEBAB INI PENTING

Kejayaan yang berterusan dalam membangunkan produk dan perkhidmatan baharu, menarik pelanggan baharu dan mengekalkan kelebihan persaingan kita bergantung pada melindungi maklumat dan pengetahuan sulit syarikat.



BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Hanya berkongsi maklumat sulit dan proprietari dengan pekerja yang dibenarkan dan mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk mengakses maklumat itu. Maklumat sulit perniagaan termasuk:
 - Maklumat proprietari, seperti formula kimia dan proses pengilangan
 - Rahsia perniagaan, tanda dagangan dan harta intelektual lain
 - Maklumat kewangan bukan awam (termasuk penetapan harga) dan unjuran
 - Produk baharu dan pelan pemasaran
 - Senarai pelanggan dan pembekal
 - Idea dan maklumat penyelidikan dan pembangunan
 - Proses pengilangan
 - Maklumat pemerolehan
 - Maklumat berkenaan pemerolehan, pelaburan dan penyahlaburan yang berpotensi
 - Pendapat undang-undang dan produk kerja peguam
- Lindungi dokumen, data dan peranti dengan langkah fizikal yang berkesan serta kata laluan dan penyulitan.
- Mengelak daripada membincangkan perkara sulit di tempat awam, seperti lif, kereta api dan restoran.
- Jangan biarkan maklumat sulit dapat dilihat oleh orang lain (seperti bekerja menggunakan komputer riba semasa penerbangan atau mengakses rangkaian Wi-Fi yang tidak dilindungi).
- Memastikan bahawa hanya orang yang dibenarkan mengakses kemudahan syarikat.

- Mengiringi semua pelawat dan jangan biarkan mereka memasuki kawasan larangan.
- Melaporkan sebarang pelanggaran yang berkemungkinan supaya ia dapat ditangani dengan segera dan wajar.

Q/A

RAKAN SAYA, AHLI KIMIA

- S:** Seorang sahabat saya dari sekolah siswazah ialah seorang ahli kimia bagi sebuah syarikat farmasi utama. Dia mengekalkan minat dalam bidang pelekat dan telah bertanya kepada saya tentang proses tertentu yang sedang kita uji dalam makmal tempat saya bekerja. Saya pasti minatnya hanya kerana sifat ingin tahunya. Bolehkah saya beritahu dia tentang perkara yang sedang kita lakukan?
- J:** Tidak. Walaupun anda mempercayai rakan anda dan walaupun ia tidak kelihatan seperti penyelidikan anda boleh menjejaskan penyelidikannya, kerja anda untuk H.B. Fuller adalah sulit. Memberitahunya tentang butiran kerja anda adalah sama dengan memberitahunya rahsia perniagaan dan anda tiada jaminan tentang perkara yang akan dilakukannya dengan maklumat tersebut sebaik sahaja dia memiliki maklumat itu – atau kepada siapa dia akan beritahu. Beritahu rakan anda bahawa anda tidak boleh berkongsi sebarang maklumat seumpama itu.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Maklumat Sulit, Rahsia Perniagaan dan Pelabelan](#)

Melindungi Data Peribadi

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Kita melindungi privasi, kerahsiaan dan keselamatan maklumat peribadi kita yang boleh dikenal pasti dan data peribadi sensitif lain.

SEBAB INI PENTING

Bagi menjalankan perniagaan kita, mematuhi keperluan undang-undang dan mentadbir faedah, syarikat perlu mengumpul, menyimpan, menggunakan dan berkongsi maklumat peribadi tertentu yang boleh dikenal pasti. Kita mengendalikan data ini hanya mengikut Dasar Privasi Global kita dan undang-undang privasi data tempatan yang berkenaan, yang direka untuk melindungi maklumat daripada pendedahan secara tidak wajar.



BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Mematuhi semua undang-undang privasi dan perlindungan data yang berkenaan dengan kita.
- Mengumpul dan menggunakan data peribadi pekerja dan pelanggan hanya untuk memenuhi keperluan undang-undang atau memudahkan operasi perniagaan yang berkesan.
- Mengambil langkah-langkah untuk melindungi dengan wajar sebarang data peribadi yang kita perlu akses dalam pekerjaan kita.
- Jangan sesekali berkongsi data peribadi dengan sesiapa, di dalam atau di luar syarikat, tanpa kebenaran berkenaan yang jelas, kecuali bagi menyokong operasi perniagaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Privasi Global](#)



Mematuhi Undang-Undang Antitrust

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Undang-undang antitrust – sering dikenali sebagai “undang-undang persaingan” di luar Amerika Syarikat – memastikan persaingan yang adil antara syarikat dan membantu mencegah monopoli. Sebagai sebahagian daripada misinya untuk menjadi warga perniagaan yang baik, H.B. Fuller berusaha untuk berkelakuan mengikut mana-mana undang-undang antitrust atau persaingan di negara tempat kita menjalankan perniagaan.

SEBAB INI PENTING

Produk, inovasi dan perkhidmatan pelanggan kita yang tiada tandingan ialah sebab kita berjaya, bukan kelakuan yang tidak wajar di pasaran. Reputasi kita telah lama bergantung pada integriti kita: Kita bersaing secara adil untuk perniagaan pelanggan kita dan apabila kita menang, kita menang dengan cara yang betul. Undang-undang antitrust adalah rumit dan pelanggaran boleh menyebabkan pembayaran kerugian yang besar, hukuman yang berat dan pendakwaan jenayah bagi individu tersebut, serta bagi H.B. Fuller.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Mematuhi semua undang-undang antitrust atau persaingan di negara tempat kita menjalankan perniagaan.
- Merujuk kepada Jabatan Undang-undang berkenaan undang-undang persaingan dan tafsirannya, jika perlu.
- Mengelak daripada mengadakan perjanjian kerjasama dengan pesaing berkenaan:
 - Harga sesuatu produk
 - Had pengeluaran
 - Wilayah jualan, peruntukan pelanggan atau projek tertentu
 - Boikot pelanggan, pengedar atau pembekal yang berpotensi
- Mengelak sebarang kelakuan yang mungkin memberi tanggapan berlaku konspirasi dalam menghadkan persaingan.
- Mengelak bertemu dengan pesaing melainkan diberikan kelulusan yang jelas oleh penyelia dan secara konsultasi dengan Jabatan Undang-undang.
- Memeriksa dan menyemak secara berkala sebarang keahlian dalam pertubuhan perdagangan.
- Enggan membincangkan harga atau rancangan bagi harga pada masa hadapan dengan pesaing.
- Melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang persaingan secara dalaman kepada penyelia anda, Jabatan Undang-undang dan/atau [HBFPath](#), talian bantuan etika syarikat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Undang-undang Antitrust dan Persaingan](#)



MAKLUMAT PENENTUAN HARGA

- S:** Apakah yang harus saya lakukan, jika selepas mengumumkan peningkatan harga kepada pelanggan, saya menerima panggilan daripada seorang pesaing yang ingin mengesahkan peningkatan harga tersebut?
- J:** Beritahu pesaing itu bahawa perbincangan harga melanggar dasar syarikat. Anda tidak harus mengesahkan mahupun menafikan peningkatan tersebut atau membincangkan peningkatan itu. Anda harus membuat catatan tentang perbualan itu dan menghantar satu salinan kepada Jabatan Undang-undang.
- S:** Bolehkah saya menggunakan senarai harga pesaing yang dihantar kepada saya oleh pelanggan atau pengedar kita?
- J:** Tiada salahnya dengan penerimaan senarai harga daripada pelanggan atau pengedar. Menjadi amalan perniagaan yang baik untuk menyedari tentang persaingan dalam pasaran. Walau bagaimanapun, adalah satu idea yang baik untuk mencatatkan pada senarai tersebut tarikh anda menerimanya dan daripada siapa anda menerimanya untuk mengelak sebarang kemungkinan kekeliruan. Jika anda menerima senarai harga secara langsung daripada pesaing, hantarkannya semula dengan surat yang menyatakan bahawa adalah melanggar dasar syarikat untuk menerima senarai harga daripada pesaing. Anda harus memberi salinan kepada Jabatan Undang-undang dalam surat anda dan jangan salin senarai harga tersebut untuk fail anda.
- S:** Saya menerima panggilan daripada bekas pekerja syarikat yang beberapa tahun lalu, telah pergi bekerja untuk pesaing. Dia menjemput saya untuk makan tengah hari bagi berbual tentang “masa lalu” di syarikat kita. Apakah perkara yang harus saya elak dalam perbincangan tersebut?
- J:** Sudah tentu tiada masalah untuk berjumpa dengan bekas pekerja. Walau bagaimanapun, ingat untuk mengelak daripada membincangkan sebarang maklumat sulit atau persaingan, termasuk pelanggan, produk atau harga produk.



Mengumpulkan Maklumat Risiko Saingan secara Adil

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Sebagai ahli pasaran global yang bersaing, syarikat mesti memahami secara terperinci pasaran, pelanggan dan pesaingannya. Tetapi dengan keinginan kita untuk mengetahui seberapa banyak yang boleh tentang kedudukan kita dalam pasaran, kita tidak boleh hilang prinsip panduan kita: integriti, kejujuran dan keadilan.

SEBAB INI PENTING

Reputasi kita untuk integriti diperoleh dengan payah. Kita tidak harus membahayakannya dengan melibatkan diri dengan perjanjian yang menyalahi undang-undang atau pengintipan korporat. Apabila kita mengumpulkan maklumat risiko tentang pesaing, pembekal dan pelanggan kita secara sah dan jujur, kita membantu mewujudkan suasana percaya, kita kekal baik daripada pandangan kerajaan tempat kita menjalankan perniagaan dan kita memenuhi kewajiban kita terhadap pelanggan dan pemegang saham.

BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Menerima maklumat persaingan hanya apabila kita mempercayai bahawa maklumat itu telah dikumpulkan melalui cara yang sah.
- Hanya menerima maklumat persaingan jika kita mempercayai bahawa penerimaan dan penggunaan maklumat itu adalah sah.
- Mengelak daripada menerima atau menggunakan maklumat pesaing jika maklumat itu maklumat proprietari atau sulit.
- Mengelak daripada melakukan mana-mana daripada yang berikut untuk mendapatkan akses kepada maklumat pesaing:
 - Memutarbelitkan identiti kita
 - Melibatkan diri dalam pengawasan atau pemasangan telinga secara elektronik
 - Mencuri dan/atau mencero boh
 - Meminta seorang pekerja untuk melanggar perjanjian sulit dengan majikan semasa atau terdahulu
- Enggan mendedahkan kepada mana-mana pekerja H.B. Fuller, maklumat proprietari atau sulit bekas majikan.
- Meminta panduan daripada penyelia, Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang jika kita tidak pasti tentang maklumat risiko persaingan atau cara maklumat itu telah diperoleh.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Persaingan yang Adil dan Maklumat Persaingan](#)



PEKERJA BAHARU DENGAN KISAH UNTUK DICERITAKAN

- S:** Saya seorang pekerja baharu. Saya pernah bekerja untuk pesaing utama dan saya tahu sesuatu tentang perniagaan tersebut yang boleh membantu mengembangkan perniagaan syarikat kita. Bolehkah saya memaklumkan kepada penyelia saya tentang perkara itu?
- J:** Bergantung pada keadaan. Adakah maklumat itu sulit atau rahsia perniagaan bekas majikan anda? Jika ya, mendedahkan maklumat itu kepada syarikat kita melanggar Tataniaga ini dan dasar syarikat serta boleh mendedahkan anda atau H.B. Fuller kepada tindakan undang-undang oleh syarikat lain. Jika ia maklumat awam atau bukan sulit, anda boleh mendedahkan maklumat itu kepada syarikat kita. Rujuk kepada penyelia anda atau Jabatan Undang-undang sebelum teruskan.



Mengelak Perdagangan Orang Dalam

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

H.B. Fuller komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan bertanggungjawab. Kita tidak menyertai atau memaafkan perdagangan orang dalam dan kita mahu mengelak tanggapan salah laku.

SEBAB INI PENTING

Perdagangan orang dalam menyalahi undang-undang dan boleh menyebabkan denda yang tinggi dan juga pemenjaraan. Lebih penting lagi, ia tidak selaras dengan identiti syarikat kita sebagai rakan niaga yang beretika. Pelanggan, pemegang saham dan rakan kongsi kita mempercayai kita untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang beretika dan sah. Apabila kita mengelak amalan seperti perdagangan orang dalam, ganjaran kita ialah kepercayaan.



BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Mengelak daripada menjual saham syarikat apabila kita memiliki maklumat penting bukan awam – sebarang maklumat yang mungkin dianggap penting oleh pelabur dalam menentukan sama ada mahu berdagang dalam saham syarikat atau tidak atau yang boleh menjejaskan harga pasaran. Contoh maklumat yang mungkin dianggap “penting” termasuk:
 - Maklumat kewangan tentang syarikat secara umum atau tentang unit perniagaan strategik syarikat, pembangunan produk penting, pemerolehan atau penggabungan yang berpotensi;
 - Unjuran pendapatan atau rancangan bagi memasuki perniagaan baharu; dan
 - Kehilangan pengurusan penting atau perkembangan luar yang boleh mempunyai kesan yang ketara ke atas syarikat atau operasinya.
- Mengelak daripada memberitahu orang lain untuk membeli atau menjual saham syarikat kerana maklumat bukan awam yang penting yang telah kita ketahui melalui pekerjaan kita dengan syarikat.
- Mengelak daripada membeli, menjual atau menasihati orang lain untuk membeli atau menjual saham daripada syarikat lain kerana maklumat bukan awam yang kita ketahui mengenainya melalui pekerjaan kita dengan syarikat kita.
- Menganggap saham kita dalam syarikat sebagai pelaburan jangka panjang dan mengelak sebarang aktiviti – seperti jualan singkat – yang boleh memberi tanggapan spekulasi.

TETINGKAP PERDAGANGAN

Pegawai eksekutif, pengarah dan pekerja yang ditetapkan oleh Peguam Utama (dan ahli keluarga terdekat masing-masing) dilarang daripada membeli atau menjual saham syarikat kecuali semasa tempoh dagangan terbuka yang dinyatakan. Individu seumpama itu mesti memaklumkan kepada Peguam Utama sebelum sebarang transaksi dalam saham syarikat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Berdagang dalam Sekuriti Syarikat](#)



TETINGKAP PERDAGANGAN

- S:** Bagaimanakah saya tahu sekiranya saya tertakluk pada sekatan tetingkap perdagangan orang dalam?
- J:** Jika anda tidak menerima e-mel daripada Jabatan Undang-undang tentang tarikh tetingkap tersebut, maka anda tidak berada dalam senarai tersebut.



Menyimpan Rekod yang Tepat

CARA KITA MENGAITKAN DIRI DENGAN NILAI-NILAI KITA

Kita memandang serius pada penyimpanan rekod. Untuk memastikan kita beroperasi dengan lancar, cekap dan menurut undang-undang, pekerja mesti menyimpan rekod yang tepat, terperinci dan boleh dipercayai tentang transaksi dan aktiviti syarikat.

SEBAB INI PENTING

Operasi harian syarikat kita bergantung pada penyimpanan rekod yang tepat, benar dan boleh dipercayai. Rekod yang tepat membolehkan keputusan perniagaan dan perancangan strategik yang baik bagi masa hadapan. Ia juga menjaga pematuhan syarikat terhadap peraturan global.



BAGAIMANA RUPA MENANG DENGAN CARA YANG BETUL

Kita menjelmakan semangat menang apabila kita:

- Memastikan bahawa semua rekod syarikat adalah tepat, pada masanya dan lengkap.
- Mengelak daripada memasukkan sebarang maklumat tidak benar atau tiruan ke dalam rekod syarikat.
- Merekodkan transaksi mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum.
- Melakukan semua transaksi dengan kebenaran pihak pengurusan.
- Menyimpan dan menghapuskan semua rekod mengikut Dasar Teras Pengurusan Rekod dan Maklumat serta Jadual Penyimpanan Rekod syarikat.
- Memusnahkan rekod dan maklumat dengan salah satu daripada tiga cara yang berikut:
 - Meracik (untuk dokumen kertas)
 - Mengisar (untuk komputer dan peranti storan elektronik)
 - Pemadaman secara kekal (untuk maklumat elektronik)
- Menyimpan semua maklumat berkaitan tuntutan dan litigasi berkenaan H.B. Fuller.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- [Dasar Teras Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat serta Komunikasi](#)



H.B. Fuller Company
1200 Willow Lake Boulevard
St. Paul, MN 55110
Amerika Syarikat
www.hbfuller.com